



TAWARAN MENGISI KEKOSONGAN HARTA SEWAAN MAJLIS DAERAH KERIAN

1. Tawaran ini adalah dibuka kepada warganegara Malaysia yang bermastautin di Daerah Kerian untuk mengisi kekosongan harta sewaan Majlis Daerah Kerian:-

BIL	HARTA SEWAAN
1	Platform Bas Stesen Bas Bagan Serai (Tempat parkir Bas Cth: Red Omnibus Sdn. Bhd)
2	Platform Bas Stesen Bas Parit Buntar (Tempat parkir Bas Cth: Red Omnibus Sdn. Bhd)
3	Gerai Bukan Makanan Bagan Serai
4	Gerai Tertutup Pasar Awam Bagan Serai
5	Tapak Bumbung Baru Pasar Awam Bagan Serai
6	Tapak Penjaja Batu Lima Parit Buntar
7	Pusat Penjaja Alor Pongsu
8	Tapak Penjaja Jalan Temenggong Parit Buntar
9	Meja Ayam Pasar Awam Bagan Serai (Tambahan)
10	Meja Sayur Pasar Awam Bagan Serai
11	Meja Daging Pasar Awam Kuala Kurau
12	Meja Ikan Darat Pasar Awam Kuala Kurau
13	Meja Ikan Pasar Awam Kuala Kurau (Hasil Laut)
14	Meja Telur Pasar Awam Kuala Kurau

2. Syarat utama yang perlu diketahui dan diambil perhatian oleh pemohon ialah:-
- Mempunyai pengalaman/pengetahuan mengenai jenis perniagaan yang hendak dijalankan.
 - Berupaya/mampu membayar sewa bulanan yang akan dikenakan kemudian.
 - Mempunyai modal yang mencukupi.
 - Pemohon yang berjaya hendaklah bersedia mematuhi arahan-arahan Majlis dari masa ke semasa.
3. Borang Permohonan boleh dibeli di Kaunter Bahagian Sewaan, Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Harta dengan bayaran RM5.00 setiap satu borang pada waktu pejabat sahaja.
4. Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan dengan sekeping salinan kad pengenalan dan 2 keping gambar berukuran passport. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke Pejabat Majlis Daerah Kerian sebelum atau pada **14.7.2017 (JUMAAT)** sebelum jam **4.00 Petang** ke alamat seperti berikut :-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH KERIAN,
NO. 1 WISMA MDK, JALAN PADANG,
34200 PARIT BUNTAR, PERAK.
TEL : 05-7161228 (Bahagian Sewaan)
HOMEPAGE : <http://www.mdkerian.gov.my>**

5. Semua pemohon yang telah mengemukakan permohonan dan tidak mendapat apa-apa jawapan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup permohonan ini adalah dianggap permohonan tidak berjaya.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KERIAN**